

HADITH MAWDU' DALAM KITAB *BUGHYAH AL-TULLAB* KARANGAN SHEIKH DAUD AL-FATANI (JUZUK 1): SATU KAJIAN SEMULA

Mohd Zohdi Mohd Amin,* A. Irwan Santeri Doll Kawaid**

*Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60122612396/+067986700, E-Mail: zohdi@usim.edu.my

** Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60136069775/+067986744, E-Mail: a.irwan@usim.edu.my

ABSTRAK

Mutakhir ini terdapat kajian dijalankan bagi menyemak status hadis di dalam kitab jawi atau kitab kuning karangan para ulama di alam Melayu. Sebahagian kajian mendakwa terdapatnya hadis *mawdu'* di dalam kitab berkenaan. Dakwaan ini secara tidak langsung menjejaskan reputasi ulama tersebut di mata masyarakat. Walaupun begitu, terdapat dakwaan berkenaan tersasar dari kebenaran apabila gagal menerapkan sepenuhnya disiplin ilmu hadis yang diakui oleh para ulama. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan mengetengahkan aspek kesilapan yang berlaku melalui kajian terhadap tiga hadis yang dihukum sebagai palsu oleh Itsama-e Nawae, di dalam tesis Siswazah tajuk "*Hadith-Hadith dalam Bughyah al-Tullab Karangan Sheikh Daud al-Fatani (Juzuk 1): Takhrij dan Analisis*". Kajian menerapkan metode analisis secara deduktif dan induktif serta perbandingan. Penentuan hukum hadis pula berdasarkan kaedah takhrij hadis serta ilmu hadis yang disepakati oleh para ulama hadis. Kajian mendapati bahawa kewujudan perawi hadis berstatus pendusta di dalam sanad hadis tidak memadai untuk dijadikan hujah dalam menghukum hadis berkenaan sebagai hadis palsu. Bahkan perlu disertakan dengan petunjuk yang jelas menunjukkan bahawa hadis tersebut adalah suatu rekaan dan palsu. Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga hadis yang dihukum palsu tersebut sewajarnya dihukum sebagai hadis *da'if* atau tersangat *da'if* dan bukannya hadis palsu kerana tidak dibuktikan mempunyai petunjuk yang jelas bahawa ianya palsu.

Keywords: Hadith *Mawdu'*, Hadis Palsu, Daud al-Fatani, *Bughyah al-Tullab*, kajian hadis

Pengenalan

Para ulama disifatkan sebagai pewaris para nabi, berikutan peranan mereka dalam menyampaikan kebenaran dan perutusan ajaran yang dibawa oleh para rasul kepada umatnya. Sehubungan itu, peranan para ulama dalam masyarakat tidak mungkin dikesampingkan. Begitu juga peranan para ulama di alam Melayu semenjak awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu hinggalah dalam proses mengembangkan dakwah Islam dalam kalangan masyarakat. Mereka juga mempertahankan umat Islam daripada ancaman musuh Islam dan ajaran yang menyeleweng atau bertentangan dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah. Peranan mereka

bersilih ganti di antara seorang ulama dengan ulama yang lain.

Institusi pengajian Islam di tanah Melayu sebelum era kemerdekaan terfokus kepada pengajian di surau dan masjid di samping peranannya sebagai pusat ibadat dan perhubungan sosial. Selain itu, terdapat pusat pengajian khusus dalam melahirkan para ulama, ia lebih dikenali dengan gelaran nama Pondok, yang lazimnya diketuai oleh seorang yang terkenal dalam penguasaan ilmu agama yang luas dan mendalam. Sebahagian besar dari guru pondok ini mendapat pendidikan lanjutan di luar negara khususnya di timur tengah seperti di Mekah dan Madinah di bawah para guru tersohor di sana. Setelah beberapa tempoh yang panjang, mereka akan kembali ke tanah air untuk menjalankan peranan dalam mengajar masyarakat di surau dan masjid di samping mempunyai tugas khusus di pondok bagi melahirkan generasi ulama pelapis.

Sebahagian daripada para ulama ini menterjemah kitab ulama tersohor ke dalam bahasa Melayu dan sebahagian yang lain mengarang kitab mereka sendiri di dalam bahasa Melayu. Tidak kurang juga ada yang mengarang kitab di dalam bahasa Arab. Karangan mereka ini merujuk kepada ilmu yang dipelajari daripada guru mereka di Timur Tengah. Kitab inilah kebiasaannya dijadikan sukatan dalam pengajaran di surau dan masjid di seluruh negara, dan kitab tersebut dikenali dengan nama kitab kuning kerana di cetak di atas kertas yang berwarna kekuning-kuningan. Kitab tersebut juga dikenali sebagai kitab jawi, kerana ditulis menggunakan tulisan jawi.

Fokus pengajian lebih kepada ilmu yang diperlukan oleh masyarakat awam yang meliputi ilmu Akidah, Fiqh, Sirah dan juga Akhlak. Sebahagian kitab tersebut turut mengandungi hadis yang dinisbahkan sumbernya kepada Rasulullah s.a.w. Sebahagian hadis tersebut dikenal pasti pada kedudukan sahih dan hasan yang disepakati ulama dalam penerimaannya dalam penentuan hukum halal dan haram, rujukan dalam bab akidah, sirah dan akhlak. Walaupun begitu sebahagian hadis tersebut pada kedudukan daif ringan dan daif yang berat. Jumhur ulama hadis mengambil kira hadis daif yang ringan dalam penghujahan berkaitan dengan kelebihan amalan dengan syarat khusus. Namun muncul kebimbangan apabila wujudnya segelintir hadis yang sangat lemah bahkan hadis yang dikhuatiri palsu di dalam kitab tersebut. Sekiranya benar-benar sesuatu hadis telah dikenal pasti sebagai hadis palsu maka tidak wajar ianya dijadikan hujah syarak dalam apa-apa keadaan sekalipun, kerana ianya dianggap melakukan pendustaan di atas nama Nabi s.a.w.

Demi menjaga ketulenan dan keaslian ajaran agama Islam yang diwariskan kepada generasi yang akan datang, terdapat banyak usaha dijalankan dalam melakukan semakan terhadap kesahihan sumber hadis tersebut agar dapat dipastikan bahawa hadis tersebut benar-benar daripada Nabi s.a.w. Usaha ini bukanlah suatu yang baharu bagi ulama Islam, bahkan terdapat banyak inisiatif yang dilakukan oleh para ulama terdahulu, sama ada dalam bentuk takhrij hadis mahupun dalam bentuk syarahan dan kupasan hadis berserta dengan penjelasan status hadis.

Tanpa menafikan kepentingan serta keperluan untuk melakukan kajian terhadap hadis yang terdapat di dalam kitab kuning atau kitab jawi, namun tidak wajar kiranya kajian tersebut bermaksud untuk meremehkan atau memperkecilkan kitab yang dikarang oleh ulama yang begitu banyak jasanya terhadap umat Islam. Lebih tidak wajar kiranya kajian tersebut dilakukan demi agenda tersirat seperti bagi memperlekeh kedudukan kitab di mata masyarakat atau lebih dahsyat lagi jika bertujuan untuk menjauhkan masyarakat daripada mendalami kitab tersebut.

Kajian terhadap hasil tinggalan ulama silam perlu dilakukan dengan penuh berhikmah dan berhemah agar tidak berlaku kesilapan dalam menghukum sesuatu hadis. Lebih sukar untuk diterima apabila berlaku kesilapan metodologi asas sepanjang kajian dilakukan yang menatijahkan hasil kajian yang salah. Lebih malang lagi apabila pengkaji hanya melakukan kajian secara pramatang atau semata-mata terikut-ikut dengan hasil kajian individu lain yang pramatang. Akhir-akhir ini kedapatan kesilapan yang ketara dalam mengkategorikan sesebuah hadis sebagai palsu sedangkan hadis tersebut mempunyai sandaran yang kuat. Tindakan menghukum sesebuah hadis yang tidak palsu sebagai hadis palsu juga boleh di anggap sebagai pendustaan terhadap Nabi S.A.W tanpa sedar. Sewajarnya dilakukan kajian ulang terhadap dapatan kajian yang telah di adakan bagi mengenal pasti kesilapan dalam menghukum hadis yang terdapat di dalam sesebuah kitab.

Metodologi Kajian

Satu kajian kualitatif dijalankan terhadap beberapa kajian lepas yang memberi fokus terhadap kandungan hadis di dalam kitab jawi. Kajian yang dirujuk di dalam penelitian ini ialah kajian yang dijalankan oleh Itsama-e Nawae, berjudul “Hadith-Hadith dalam Bughyah al-Tullab Karangan Sheikh Daud al-Fatani (Juzuk 1): Takhrij dan Analisis” (disertasi Sarjana Usuluddin (Al-Quran dan Al-Hadith), Universiti Malaya, pada tahun 2011).

Sehubungan itu pengumpulan data yang dijalankan adalah bersifat kajian kepustakaan. Data yang terkumpul di analisis secara deduktif dan induktif. Metode perbandingan dijalankan secara ketara dalam aspek penilaian metode dan hukum hadis. Penentuan hukum hadis adalah berdasarkan kaedah takhrij hadis serta ilmu hadis yang disepakati oleh para ulama hadis.

Dalam penentuan hukum hadis, penyelidik mengutamakan hukum hadis yang telah dikeluarkan oleh para ulama huffaz hadis muktabar terdahulu berbanding dengan hukum yang dikeluarkan oleh pengkaji hadis kontemporari. Hal ini selari dengan pendirian para ulama muktabar seperti kaedah yang di garap oleh al-‘Alla’iyy:

فَمَتَى وَجَدْنَا فِي كَلَامِ أَحَدٍ مِنَ الْمُتَقَدِّمِينَ الْحُكْمَ بِهِ، كَانَ مُعْتَمَدًا ; لِمَا أَعْطَاهُمُ اللَّهُ مِنَ الْحِفْظِ
الْغَزِيرِ، وَإِنْ اِخْتَلَفَ النَّقْلُ عَنْهُمْ، عُذِلَ إِلَى التَّرْجِيحِ

Maksudnya: “Jika kita dapati salah seorang ulama terdahulu meletak hukum sesuatu hadis, maka hukum tersebut adalah yang dijadikan pegangan (muktabar) berikutan apa yang Allah berikan kepada mereka dari sudut hafalan yang melimpah ruah. Sekiranya terdapat perbezaan dari sudut apa yang dinukilkan daripada mereka maka penentuan perlu ditimbang melalui kaedah tarjih (timbang-tara).”

Sekiranya tidak terdapat apa-apa hukum yang dikeluarkan oleh ulama terdahulu maka barulah kaedah penilaian hadis dijalankan secara komprehensif melalui kaedah takhrij hadis dan penilaian mengikut neraca ahli hadis. Begitu juga sekiranya terdapat percanggahan hukum yang dikeluarkan oleh lebih daripada seorang huffaz hadis yang muktabar.

Pengertian Hadis *Mawdu'*

Hadis *Mawdu'* juga dikenali dengan nama hadis palsu. Ia merujuk kepada suatu berita yang direka dan dicipta atau apa yang dinisbahkan kepada Nabi S.A.W secara rekaan dan

pembobohan tentang apa yang tidak dikatakannya, dilakukan atau diakuinya.² Dalam masa yang sama terdapat juga ulama hadis yang meluaskan definisi hadis *mawdu'* dengan memasukkan dalam kategori hadis *mawdu'* sesuatu berita yang dinisbahkan kepada nabi secara tersilap seperti *al-idrāj*, *al-qalb* dan *al-'illah*.³ Sebetulnya kesilapan yang tidak disengajakan seperti ini tidak dinamakan sebagai hadis *mawdu'*⁵ tetapi dinamakannya sebagai *bāṭil*.⁴ Walaupun begitu, tindakan menyandarkan sesuatu ucapan sahabat, *tābi'īn*, *ḥukamā'*, sufi atau kisah *Isrā'iliyyāt* sebagai sabda Nabi S.A.W secara disengajakan juga dikategorikan sebagai hadis *mawdu'*.⁵

Kaedah Penentuan Status Hadis *Mawdu'*

Sesebuah hadis tidak dapat dikenal pasti dengan yakin bahawa ianya adalah suatu yang palsu melainkan dalam dua keadaan:

Pertama: **Wujudnya pengiktirafan** oleh mereka yang memalsukan hadis berkenaan. Pengiktirafan yang dimaksudkan pengakuan sendiri daripada individu yang mereka-cipta hadis tersebut bahawa dia terlibat dalam mereka-cipta yang diriwayatkannya.

Kedua: Wujudnya sesuatu yang **pada kedudukan iktiraf** (أو ما يقوم مقام اعترافه) / iaitu *qarinah* (petunjuk) yang dapat membuktikan bahawa hadis tersebut adalah palsu. *Qarinah* yang dapat dijadikan sandaran kuat untuk membuktikan bahawa perkara berkenaan adalah suatu yang palsu atau disandarkan kepada Nabi S.A.W secara dusta.

Dapat difahami bahawa tanpa kedua-dua syarat di atas sesuatu hadis dihukum sebagai tersangat lemah dan bukannya hadis *mawdu'*. Ini bermaksud hadis yang di dalam rantaian sanadnya terdapat periwayat yang mempunyai ciri pendusta atau pembohong tidak memadai untuk hadis tersebut sebagai palsu. Kerana wujud kemungkinan dalam hal-hal tertentu bahawa pendusta tersebut bercakap benar. Tiada sesuatu yang dapat memastikan bahawa pendusta akan sentiasa berdusta. Jika benar bahawa pendusta akan sentiasa berdusta maka pengakuannya bahawa dia yang bertanggungjawab mereka-cipta hadis palsu tersebut juga terpaksa ditolak. Ini jika semata-mata kesaksian pendusta ditolak keseluruhannya.

Imam Badr al-Din al-Zarkashi (794H) di dalam *al-Nukat ala Muqaddimah Ibn Solah* secara jelas mengatakan bahawa:

لَا يَلْزَمُ مِنْ وَجُودِ كَذِّابٍ فِي السَّنَدِ أَنْ يَكُونَ الْحَدِيثُ مَوْضُوعًا إِذْ مُطْلَقُ كَذِبِ الرَّاوي لَا يَفْتَضِي
وَضْعَ الْحَدِيثِ.

Maksudnya: *Tidak semestinya jika sesiapa mendapati wujudnya seseorang pendusta di dalam sesuatu sanad (hadis) maka di hukum hadis tersebut sebagai Hadis Palsu kerana jika seseorang itu disifatkan perawi yang dusta, tidak*

² Abd Allāh Sha'bān, *Qawā'id al-Muḥaddithīn*, Mesir: Dār al-Salām, (2008), hlm. 545

³ Umar bin Ḥasan 'Uthmān Fallātah, *al-Waḍ' fī al-Ḥadīth*, Beirut: Maktabah al-Ghazālī, (1981), jil.1, hlm.108.

⁴ al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad, *al-Muqaddimah fī al-Fawā'id al-Majmū'ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, (1995), hlm.7.

⁵ al-Ṭahḥān, Maḥmūd, *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*, al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', (2010), hlm.112.

*menunjukkan dia mendustai hadis (yang diriwayatkannya).*⁶

Kenyataan yang hampir sama di keluarkan oleh Zainuddin al-Iraqi (806H) di dalam *Syarah al-Tabsirah wa al-Tadhkirah*:

فَلَا يَلْزَمُ مَنْ وُجِدَ كَذَّابٌ فِي السَّنَدِ أَنْ يَكُونَ الْحَدِيثُ مَوْضُوعًا، إِذْ مَطْلُوقُ كَذِبِ الرَّاوي لا يَدُلُّ عَلَى
الْوَضْعِ، إِلَّا أَنْ يَعْتَرَفَ بِوَضْعِ هَذَا الْحَدِيثِ بَعِيْنِهِ، أَوْ مَا يَقُومُ مَقَامَ اعْتِرَافِهِ

Maksudnya: *Tidak semestinya sesiapa yang mendapati terdapatnya pendusta di dalam sesuatu rantaian sanadnya maka ianya (dihukum) sebagai hadis palsu, kerana semata-mata pendustaan perawi tidak membuktikan bahawa (hadis yang diriwayatkannya) adalah palsu, melainkan dia mengiktiraf telah melakukan pemalsuan hadis berkenaan, atau terdapat sesuatu yang dapat menggantikan pengiktirafannya.*⁷

Kenyataan tersebut juga dinyatakan oleh al-San'ani (1182H) di dalam *Tawdih al-Afkar li Ma'ani Tanqih*.⁸ Begitu juga Imam al-Sakhawi di dalam *Fath al-Mughith*, ketika komentar beliau terhadap pendekatan Ibn al-Jawzi:

أن مجرد تفرد الكذاب غير مستلزم للحكم بالوضع لاحتمال مجيئه من وجه آخر بل لابد من انضمام
قرائن أخرى

Maksudnya: *Bahawa semata-mata bersendirian seorang pendusta (dalam periwatan hadis) tidak semestinya di hukum sebagai hadis palsu kerana wujudnya kebarangkalian ianya datang melalui jalan yang lain, bahkan dimestikan (untuk di hukum sebagai palsu) digandingkan dengan qarinah (petunjuk) yang lain.*⁹

Dapat disimpulkan bahawa wujudnya perawi hadis yang bersifat pendusta (*kadhhab*) di dalam hadis tidak memadai untuk hadis tersebut dihukum sebagai hadis palsu. Hukum hadis palsu hanya wajar di berikan kepada sesuatu hadis sekiranya disertai oleh *qarinah* lain yang dapat membuktikan ianya adalah palsu.

Pembuktian (*Qarinah*) Menunjukkan Sesuatu Hadis Adalah *Mawdu'*

Sebagaimana di bincangkan sebelum ini, Ibn al-Solah menjelaskan bahawa sesuatu hadis dapat dihukum sebagai palsu dengan [pertama:] pengakuan individu yang mereka-ciptanya, ataupun [kedua:] terdapat petunjuk (*qarinah*) yang dapat menggantikan pengakuan individu tersebut.¹⁰

⁶ al-Zarkashi, Badrul al-Din, *al-Nukat ala muqaddimah Ibn al-Salah*. Riayadh: Adwa' al-Salaf, (1998) jil.2, hlm. 255.

⁷ al-Iraqi, Zain al-Din, *Syarah al-tabsirah wa al-tadhkirah/al-fiyah al-Iraqiyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (2002), jil.1, hlm. 307.

⁸ al-San'ani, Muhammad bin Ismail. *Tawdih al-afkar li ma'ani tanqih al-andhar*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah (1997). Jil.2, hlm. 53.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibn Solah, Uthman bin Abd al-Rahman, *Ma'rifah anwa' ulum al-hadith / Muqaddimah Ibn al-Solah*, Beirut: Dar al-Fikr, (1986), jil.1, hlm. 90.

Manakala berhubung dengan *qarinah* atau petunjuk yang dapat menggantikan pengakuan individu tersebut dijelaskan oleh al-Iraqi bahawa ianya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

- [i] Petunjuk berkaitan dengan keadaan periwayat hadis tersebut.
- [ii] Petunjuk berkaitan dengan matan hadis yang diriwayatkannya.

Petunjuk yang berkaitan dengan periwayat hadis menunjukkan terdapat kesilapan atau kesalahan perawi hadis dalam dakwaannya, di antaranya:

- a) Meriwayatkan hadis daripada guru yang tidak ditemuinya
- b) Meriwayatkan hadis daripada guru yang berada di sesuatu tempat yang tidak pernah sampai ke tempat tersebut
- c) Meriwayatkan hadis daripada guru yang telah meninggal dunia sebelum dia dilahirkan atau terlalu kecil untuk belajar daripadanya

Manakala petunjuk berkaitan dengan matan hadis yang diriwayatkannya, di antaranya:

- a) Lafaz hadis yang longgar dari sudut struktur Bahasa Arab yang tidak menunjukkan bahasa yang fasih bersesuaian dengan pertuturan oleh Rasulullah SAW, sekiranya dia mendakwa bahawa ianya adalah daripada sabda Nabi s.a.w.
- b) Makna hadis yang cacat seperti bercanggah dengan pemikiran yang normal
- c) Maksud hadis bertentangan dengan Quran, Sunnah yang Mutawatir atau Ijmak
- d) Hadis mengandungi perkara yang bertentangan dengan peristiwa sejarah yang sedia dikenal pasti dengan tepat
- e) Maksud hadis bersesuaian dengan mazhab yang didokonginya

Ibn al-Solah di dalam Muqaddimahnya turut menyentuh berhubung wujudnya pihak yang cenderung menyenaraikan hadis sebagai hadis palsu tanpa dinyatakan bukti bahawa ianya adalah hadis *mawdu'*. Individu yang dimaksudkannya ialah Ibn al-Jawzi yang menghimpunkan di dalam kitabnya *al-Mawdu'at*. Ibn al-Solah turut menunjukkan kritikan beliau terhadap tindakan menghukum hadis tersebut sebagai palsu tanpa di datangkan bukti yang boleh dijadikan sandaran, katanya: Sewajarnya Ibn al-Jawzi (melalui tindakan yang di ambil menghukum hadis sebagai palsu tanpa dalil) untuk menghukum hadis berkenaan sebagai hadis *da'if* sahaja secara umum dan bukannya hadis *mawdu'*.¹²

Senada dengan pendirian Ibn al-Solah tersebut, al-Sakhawi turut mengkritik tindakan Ibn al-Jawzi yang menghukum hadis sebagai palsu semata-mata dengan adanya periwayat yang berstatus pendusta di dalam periwayatan hadis khususnya jika perawi hadis tersebut meriwayatkan hadis berkenaan secara bersendirian tanpa disertai oleh periwayat hadis yang lain, katanya:

وَلَدًا اِتَّقَدَ الْعُلَمَاءُ صَنِيعَهُ اِجْمَالًا، وَالْمَوْقِعُ لَهُ فِيهِ اِسْنَادُهُ فِي غَالِيهِ بَضْعُ رَاوِيهِ الَّذِي رُمِيَ بِالْكَذِبِ مَثَلًا، غَافِلًا عَنِ مَحَبَّتِهِ مِنْ وَجْهِ آخَرَ. وَرُبَّمَا يَكُونُ اِعْتِمَادُهُ فِي التَّفَرُّدِ قَوْلَ غَيْرِهِ مِمَّنْ يَكُونُ كَلَامُهُ فِيهِ مَحْمُولًا عَلَى النَّسَبِيِّ، هَذَا مَعَ اَنَّ مُجَرَّدَ تَفَرُّدِ الْكَذَّابِ بِلِ الْوَضَّاعِ، وَلَوْ كَانَ بَعْدَ الْاِسْتِثْصَاءِ فِي التَّفْتِيْشِ مِنْ حَافِظٍ مُتَّبِعٍ تَامَ الْاِسْتَفْرَاءِ - غَيْرُ مُسْتَلْزِمٍ لِذَلِكَ، بَلْ لَا بُدَّ مَعَهُ مِنْ اِنْضِمَامِ شَيْءٍ مِمَّا سَيَأْتِي (أي: اَنْ يَعْتَرَفَ بَوْضَعِ هَذَا الْحَدِيثِ بَعِيْنِهِ، اَوْ مَا يَقُوْمُ مَقَامَ اِعْتَرَاْفِهِ

Maksudnya: Kerana itu didapati bahawa para ulama mempertikai tindakan

¹¹ Al-Iraqi, Syarah al-tabsirah, jil.1, hlm. 307.

¹² Ibn Solah, *Muqaddimah Ibn al-Solah*, jil.1, hlm. 90.

beliau secara umum, dan juga (kritikan) pada keadaan sesuatu sanad yang pada hemat beliau bahawa periwayat hadis tersebut pada kedudukan daif yang di tuduh sebagai pendusta contohnya. Dalam masa yang sama dia (Ibn al- cuai dalam mengesan kewujudan hadis berkenaan dari jalamn yang lain. Ada kebarangkalian beliau (iaitu Ibn Jawzi) bergantung kepada pendapat orang lain yang mengatakan ianya diriwayatkan secara bersendirian yang mana ada kebarangkalian individu tersebut (yang mengatakan hadis tersebut diriwayatkan secara bersendirian) menyatakannya secara nisbi. Hal ini sekalipun diriwayatkan secara bersendirian oleh pendusta bahkan pemalsu hadis sekalipun, bahkan sekalipun telah dikenal pasti melalui saringan selidik secara terperinci oleh seorang hafiz hadis yang begitu luas serta lengkap penelitiannya, tetap tidak wajibkan untuk ianya (dihukum sebagai palsu). Bahkan wajib hukum (palsu) tersebut disertai dengan sesuatu yang akan dinyatakan selepas ini (iaitu pengiktirafan pendusta tersebut atau sesuatu yang pada kedudukan pengiktirafan).¹³

Dapat disimpulkan bahawa tindakan seseorang menghukum hadis tanpa disertai dengan bukti sama ada melalui pengakuan atau sesuatu petunjuk yang dapat menggantikan status pengakuan, adalah satu tindakan yang tidak wajar. Sekalipun hadis berkenaan mengandungi perawi hadis yang berstatus pendusta, kerana sifat pendusta tidak dapat dipastikan bahawa perawi tersebut akan berdusta dalam semua periwayatannya. Hadis sewajarnya dihukum sebagai hadis *da'if* sahaja dan bukan hadis *mawdu'*.

Analisis Terhadap Kajian Hadis Kitab Jawi

Berdasarkan kepada penelitian terhadap kajian Itsama-e Nawae, berjudul “*Hadith-Hadith dalam Bughyah al-Tullab* Karangan Sheikh Daud al-Fatani (Juzuk 1): *Takhrij dan Analisis*” (disertasi Sarjana Usuluddin (Al-Quran dan Al-Hadith), Universiti Malaya, pada tahun 2011), penulis memetik kupasan beliau terhadap 3 hadis palsu yang dikatakan terdapat di dalam kitab *Bughyah al-Tullab* sebagaimana berikut:

Hadis Pertama:¹⁴

“Daripada Abi Hurairah RA bahawasanya Rasulullah S.A.W bersabda: (مَا عِبْدَ (اللهِ بِشَيْءٍ أَفْضَلَ مِنْ فِقْهِ فِي دِينِ) Tiada mengerjakan ibadah akan Allah dengan suatu yang lebih afdal daripada faham agama Allah Ta’ala. Riwayat Tirmidhi.

Ulasan Itsama-e Nawae terhadap hadis ini:

“Takhrij: Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam *Shu‘ab al-Iman*, Abu Nu‘aym al-Asbahani dalam *Akhbar Asbahan*, al-Quiee dalam *Musnad al-Shihab* dan al-Khaġib al-Baghdadi dalam karyanya *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*.”

“Analisis dan hukum hadith: Hadith ini tidak ditemui dalam *Sunan al-Tirmidhi* sebagaimana yang disebut oleh Sheikh Daud. Lafaz yang disebut oleh Sheikh

¹³ Al-Sakhawi, Muhammad Abd al-Rahman, *Fath al-mughith bi syarah al-fiyah alihadith li al-Iraqi*, Mesir: Maktabah al-Sunnah, (2003), jil. 1, hlm 313.

¹⁴ Itsama-e Nawae, *Hadith-Hadith dalam Bughyah al-Tullab* Karangan Sheikh Daud al-Fatani (Juzuk 1): *Takhrij dan Analisis*” (disertasi Sarjana Usuluddin -Al-Quran dan Al-Hadith), Universiti Malaya, (2011)

Daud itu, diriwayatkannya melalui dua orang sahabat iaitu Ibn Umar dan Abu Hurayrah, al-Bayhaqi dan Abu Nu'aym meriwayatkan dari Muslimah bin Qa'nab dari Nafi' dari Ibn Umar, manakala al-Qudai dan al-Khatib al-Baghdadi meriwayatkan melalui Yazid bin 'Iyad dari Safwan bin Salim dari Sulaiman bin Yasar dari Abu Hurayrah. Pada Isnad al-Bayhaqi terdapat 'Isa bin Ziyad al-Durqi. Menurut al-Bayhaqi, 'Isa adalah satu-satunya yang meriwayatkan hadith ini, al-Bayhaqi menyatakan lagi bahawa lafaz tersebut sebenarnya adalah perkataan al-Zuhri. Pada isnad Abu Nu'aym terdapat Yusuf Ibn Khalid al-Sumti. al-Bukhari memberi komentarnya terhadap Yusuf dengan katanya: Manakala Yahya Ibn Ma'in menyifatkannya sebagai pendusta dan al-Nasa'i pula mengatakan beliau seorang yang matruk.”

“Sanad Abu Hurayrah pula, terdapat Yazid Ibn 'Iyad yang disepakati para ulama akan kelemahannya. Ibn Hajar mengutip komentar-komentar para ulama terhadapnya seperti yang disebut dalam Tahzib al-Tahzib, antaranya: al-Bukhari dan Muslim berkata: munkar al-Hadith, Ya'kub Ibn Sufiyan berkata bahawa tidak ditulis hadith darinya dan jangan diriwayatkan darinya oleh tokoh-tokoh agama. Abu Daud pula meninggalkan hadith darinya. **Maka hukum Hadith ini dari kategori palsu.**”

Penulis telah merujuk hadis ini dari sudut sumber dan pandangan ulama terhadap hukum hadis ini. Hasil penelitian penulis hadis ini dihukum daif oleh para huffaz seperti al-Tabarani dan al-Bayhaqi setelah meriwayatkan hadis ini. Para ulama hadith seperti al-Iraqi, al-Busairi, al-Ajluni juga menghukum hadis ini sebagai *da'if*, bahkan menurut al-Shawkani Sanad hadis ini daif dan saling kuat menguatkan di antara satu sama lain.

Namun begitu, al-Albani menghukum hadis ini sebagai: *mawdu'* dalam masa yang sama (di dalam Daif al-Jami' al-Saghir) menghukum hadis ini sebagai “*daif*”. Di dalam sanad hadis ini terdapat Yazid bin 'Iyadh yang dianggap “*pendusta*” (oleh al-Imam Malik dan al-Haithami), atau “*Matruk*” (oleh al-Nasa'i), atau “*munkar*” (oleh al-Bukhari dan Muslim), serta “Hadisnya tidak wajar ditulis”(menurut Ibn Ma'in).

Al-Baihaqi mengatakan bahawa: (وَالْمَحْفُوظُ هَذَا اللَّفْظُ مِنْ قَوْلِ الرَّهْرِيِّ) maksudnya: Hadis ini mengikut Riwayat yang *Mahfudh* (oleh perawi yang *thiqah*) adalah dari kata-kata al-Zuhri. Ini bermaksud hadis yang menyandarkan lafaz hadis ini kepada kata-kata Rasulullah adalah pada kedudukan *shazz*. Hadis *Shazz* adalah salah satu kategori hadis daif yang bersangkutan dan bukannya hadis *mawdu'*. Justeru itu, walaupun sanad hadis ini pada **kedudukan yang lemah, tetapi tidak sampai ke tahap palsu sebagaimana di dakwa oleh al-Albani**. Bahkan al-Albani sendiri di tempat yang lain menghukumnya sebagai daif sahaja.

Meskipun di dalam sanad hadis ini terdapat perawi yang disifatkan oleh sesetengah ulama sebagai pendusta hadis, namun perlu ditegaskan bahawa tidak semestinya terdapat perawi yang berstatus “pendusta” (sebagaimana dinyatakan oleh Imam Malik dan al-Haithami) justeru hadis ini dihukum palsu, melainkan terdapat *qarinah* (bukti) yang menunjukkannya palsu. Adapun pendirian al-Baihaqi bahawa (وَالْمَحْفُوظُ هَذَا اللَّفْظُ مِنْ قَوْلِ الرَّهْرِيِّ), namun masih terdapat Riwayat yang *shazz* bahawa ianya adalah *marfu'*. Maka hadis ini kekal sebagai hadis yang sangat lemah dan bukannya palsu.

Hadis Kedua:¹⁵

Disebut pada khabar Ibn Hibbān sabda Nabi SAW: (الصَّلَاةُ خَيْرٌ مَوْضُوعٍ، فَمَنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَسْتَكْبِرَ فَلْيَسْتَكْبِرْ) Bermula sembahyang itu sebaik-baik yang dihantar oleh Syarak daripada segala ibadat maka banyakkkan kamu yakni sekehendak kamu atau sedikitkan dia.

Ulasan Itsama-e Nawae terhadap hadis ini:

“Takhrij: Sheikh Daud mengisyaratkan hadith ini kepada riwayat Ibn Hibban dalam Sahihnya. Namun, penulis tidak dapat mengesankan hadith ini di dalam Hibban seperti mana dikatakan oleh beliau. Akan tetapi, hadith ini didapati telah diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsat.”

“Analisis dan hukum hadith: Al-Tabarani meriwayatkan hadith ini melalui Ahmad Bin Rishdin dari 'Abd al-Mun'im Bin Bashir al-Ansari dari Abu Mawdud dari Muhammad Bin Ka'ab al-Qurazi dari Abu Hurayrah farafa'ahu. Rantainya sanad ini terdapat seorang perawi yang bernama 'Abd al-Mun'im Bin Bashir al-Ansari, yang ditolak riwayatnya oleh jumur ulama. Menurut Ibn Hibban, perawi ini bersangatan *munkar* Hadith, tidak dapat berdalil dengan riwayatnya sahaja. Yahya Bin Ma'in juga berkata bahawa 'Abd al-Mun'im adalah pendusta dan tidak ditulis Hadith riwayatnya. Justeru, hukum Hadith ini adalah palsu.”

Penulis telah melakukan rujukan terhadap sumber hadis ini dan mendapati bahawa hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad (hadis no 21546, 21552),¹⁶ al-Bazzar (no hadis: 4034),¹⁷ Ibn Hibban di dalam Sahihnya (no. Hadis 361),¹⁸ al-Tabarani di dalam al-Kabir (no hadis 7871)¹⁹ dan Musnad al-Shamiyyin (no hadis: 1979),²⁰ al-Hakim di dalam Mustadrak (no Hadis: 4166)²¹, Abu Nu'aim dalam Hilyah²² daripada Abu Dhar secara *marfu'* dengan matan hadis yang panjang. Imam Ahmad juga meriwayatkannya daripada Abu Umamah (no hadis: 22288)²³ sebagaimana hadis Abu Dhar. Manakala al-Tabarani meriwayatkan hadis ini daripada Abu Hurairah di dalam al-Awsat (no hadis: 243).²⁴

¹⁵ Itsama-e Nawae, *Hadith-Hadith dalam Bughyah al-Tullab Karangan Sheikh Daud al-Fatani (Juzuk 1): Takhrij dan Analisis*”.

¹⁶ Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*, (hadis no 21546 & 21552), t.tp: Muassasah al-Risalah, (2001) jil. 35 hlm 432 & 437.

¹⁷ al-Bazzar, Ahmad bin Amru, *Musnad al-Bazzar*, (no hadis: 4034), Madinah: Maktabah al-Ulum wa al-Hikam, (2009), jil.9 hlm. 426.

¹⁸ Ibn Hibban, *Sahih Ibn Hibban*, (no. Hadis 361), jil. 2 hlm.76.

¹⁹ al-Tabarani, Sulaiman, *al-Mu'jam al-Kabir* (no hadis 7871), Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, (1994) jil. 8 hlm 217.

²⁰ al-Tabarani, Sulaiman, *Musnad al-Shamiyyin* (no hadis: 1979), Beirut: Muassasah al-Risalah, (1984), jil.3, hlm. 154.

²¹ al-Hakim, Muhammad, *Mustadrak 'ala al-Sahihain*, (no Hadis: 4166), Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (1990) jil.2, hlm.652.

²² Abu Nu'aim, *Hilyah al-Awliya' wa tabaqat al-asfiya'*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (1990) jil.1, hlm.166.

²³ Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*, (hadis no 22288), jil. 36 hlm 618.

²⁴ al-Tabarani, *al-Mu'jam al-Kabir* (no hadis 243), jil. 1 hlm. 84.